

24 premis diarah tutup serta-merta



Antara premis diperiksa dalam operasi khas DBKL di lokasi tumpuan sekitar ibu negara.

KUALA LUMPUR - Sebanyak 24 premis di sekitar ibu negara dikenakan tindakan tutup serta-merta susulan operasi khas dilaksanakan pihak berkuasa.

Menurut kenyataan dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), penutupan membabitkan premis perniagaan tanpa lesen, menggaji warga asing dan membuat halangan di tempat awam.

"Dalam tindakan dijalankan pada Jumaat, sebanyak 70 premis perniagaan diperiksa termasuk menyemak dokumen perniagaan.

"Hasil semakan, sebanyak 24 premis dikenakan tindakan tutup serta-merta mengikut

Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya.

Selain itu, DBKL turut memaklumkan sebanyak 25 notis kompaun dikeluarkan terhadap pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Perniagaan dan Perindustrian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Ia termasuk kesalahan di bawah UUK Pelesenan Tred, Pelesenan Penempatan Makanan dan Pelesenan Penjaja.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan semua yang dikenal pasti," katanya.